

# Shahidan 16 turut bersedia bertanding Naib Presiden

Oleh NAZERI NONG SAMAH  
dan ZAID MOHD. NOOR

UM - 3 JAN 2000

KUALA LUMPUR 2 Jan. — Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, hari ini menyatakan kesediaannya untuk bertanding merebut jawatan Naib Presiden jika dicalonkan.

Menurutnya, keputusan tersebut dibuat kerana sesiapa sahaja ahli UMNO boleh bertanding merebut jawatan tersebut kerana parti mengamalkan dasar demokrasi.

"Kalau ada pencalonan dari bahagian-bahagian UMNO, saya sedia bertanding (jawatan Naib Presiden)," katanya di Kangar hari ini.

Shahidan merupakan Menteri Besar pertama yang menyatakan kesediaan untuk bertanding merebut jawatan Naib Presiden.

Semalam Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Rais Yatim dan ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Syed Hamid Albar menyatakan kesediaan masing-masing untuk bertanding jawatan Naib Presiden.

## Mengesahkan

Sementara itu dua lagi pemimpin parti itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan penyandang jawatan, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib mengesahkan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya untuk sama-sama bersaing merebut jawatan itu.

Seorang lagi penyandang Naib Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak pula dijangka mempertahankan kedudukannya.

Mengenai sokongan pula, Shahidan yang juga ahli MT berkata, walaupun Perlis negeri kecil dan mempunyai jumlah perwakilan sedikit tetapi masalah tersebut bukan penghalang untuk turut bertanding jawatan Naib Presiden.

■ Lihat muka 4

# Shahidan turut bersedia bertanding Naib Presiden

UM - 3 JAN 2000

Katanya, ahli UMNO di seluruh negara sebenarnya menilai prestasi calon-calon yang bertanding bukan berdasarkan wakil negeri semata-mata.

Di IPOH, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata, beliau belum lagi terfikir untuk bertanding merebut jawatan Naib Presiden UMNO pada pemilihan parti tahun ini.

Jelas Ramli, kini perkara itu tidak relevan kerana belum sampai waktu bagi beliau bertanding merebut jawatan tersebut memandangkan masih banyak perkara melibatkan prestasi parti pada peringkat negeri yang perlu difikirkan.

Dalam pada itu, Menteri Besar Perak, Datuk Seri

Tajol Rosli Ghazali pula memberitahu bahawa beliau tidak berminat untuk bertanding jawatan Naib Presiden.

Sebaliknya Tajol menegaskan, beliau hanya mahu mempertahankan jawatan sebagai ahli MT.

"Biar saya hanya menjadi pemimpin yang kecil, tetapi dapat berbakti kepada parti yang besar," katanya ketika dihubungi di sini petang ini.

Tambah beliau: "Tidak menjadi soal kepada sesiapa sahaja untuk bertanding tiga kerusi Naib Presiden UMNO."

Menurutnya, apa yang ingin beliau pertahankan ialah cadangan supaya kerusi Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak dipertandingkan.

"Begitu juga dengan kerusi Timbalan Presiden UMNO tidak dipertandingkan dan diberi laluan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya.

Tajol Rosli berkata, kedua-dua kerusi itu sewajarnya tidak ditandingi bagi memelihara keutuhan parti, apatah lagi UMNO kini dalam proses membina semula kekuatan berikutan prestasi yang tidak menggalakkan pada pilihan raya umum lam.

"Sepatutnya ahli-ahli UMNO kini lebih memikirkkan perpaduan dan sedia berkorban untuk parti sebagaimana yang kerap diingatkan oleh Dr. Mahathir," tegasnya.